

AAB

Parlimen - Tunku (Mahathir)

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) — Perdana Menteri hari ini berkata nama dan sumbangan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj akan tertulis dengan tinta emas dalam sejarah negara kerana sumbangannya tidak dapat dihilangkan daripada kenangan semua dan tiada siapa yang dapat menafikan jasanya kepada negara yang amat dicintainya.

Semasa membentangkan usul merakamkan perasaan sedih dan takziadi atash kembalinya ke Rahmatullah Bapa Kemerdekaan itu di Dewan Rakyat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keagungan seseorang insan dapat diukur dengan dua cara.

Pertamanya, dengan melihat amalannya -- apa yang dilakukannya dan apa yang telah dilaksanakannya sepanjang hayatnya dan kedua -- keperibadiannya.

Beliau berkata Almarhum Tunku dilahirkan seorang putera raja, namun watak dan keperibadiannya berkembang sebagai pemimpin rakyat.

+Almarhum membebaskan kita daripada belenggu penjajahan dan memberikan kita maruah sebagai warga sebuah negara yang merdeka dan berdaulat,+
katanya. -- Lagi

♥10/12/19-11MST

CNS9440

U GB 10-12 00178 BB265

AAB

Parlimen - Tunku (Mahathir) 2 Kuala Lumpur

Pernah pada satu ketika, katanya, Allahyarham Tun Dr Ismail Abdul Rahman menyifatkan perwatakan almarhum sebagai +warm and unassuming+ (mesra dan ikhlas) dan almarhum dapat menyesuaikan diri dengan semua keadaan sama di Istana, di kampung, di kalangan masyarakat atasan atau bawahan, golongan kaya dan miskin.

+Sumbangan Almarhum Tunku sebagai perintis dan pelopor kemerdekaan negara ini merupakan sumbangan yang tidak ternilai harganya dalam sejarah negara,+ kata Perdana Menteri.

Beliau berkata Almarhum Tunku juga telah membina asas bagi pelbagai institusi negara yang dinikmati dan dipertahankan hingga kini dan atas daya usahanya masyarakat kini mewarisi perlembagaan negara, institusi politiknya dan struktur pentadbirannya.

Almarhum Tunku sentiasa berada pada tempat dan ketika beliau diperlukan, katanya.

Almarhum bukan sahaja menjadi pemimpin orang Melayu dalam memelopori kemerdekaan negara tetapi terus menjadi seorang negarawan ulung yang disegani dan dicintai oleh semua kaum.

+Formula politik Perikatan yang dipelopori oleh Almarhum Tunku bagi menyatukan rakyat Malaysia merupakan formula yang terbukti kemantapannya untuk negara kita,+ tambahnya. -- Lagi

♥10/12/19-12MST

CNS9443

U GB 10-12 00190 BB266

AAB

Parlimen - Tunku (Mahathir) 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata setelah mencapai kemerdekaan dan membentuk Malaysia, almarhum berperanan pula sebagai pemimpin dan pemandu pembangunan negara ke arah kemajuan dan kemakmuran.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Almarhum Tunku telah mengasaskan nilai-nilai kesederhanaan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini dan antara nilai ini ialah toleransi, persefahaman dan muhibah yang mendorong masyarakat majmuk Malaysia hidup aman dan tenteram.

+Almarhum jugalah yang mengasaskan budaya politik yang berlandaskan kompromi dan muafakat di antara golongan yang berlainan latar belakang dan kepentingan+.

Katanya, almarhum juga merupakan seorang penentang fahaman dan gerakan Komunis dan apabila menandatangani perisytiharan berakhirnya darurat, almarhum telah menyatakan bangganya dengan perpaduan dan taat setia rakyat Malaysia.

Perdana Menteri bagaimanapun, berkata meskipun almarhum merupakan penentang fahaman komunis yang tegas, namun sebenarnya almarhum merupakan seorang pencinta damai sambil memetik kata-kata Almarhum +I believe in giving the people clothes instead of uniform; houses instead of barracks; food instead of bullets+ (Saya lebih suka memberikan pakaian dan bukannya uniform, rumah bukannya berek, makanan bukannya peluru kepada rakyat). -- Lagi

♥10/12/19-13MST

AAB

Parlimen - Tunku (Mahathir) 4 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir turut menghuraikan peranan almarhum dalam mengembangkan syiar Islam dengan mengasaskan Majlis Tilawah AlQuran, memimpin PERKIM, mengutarakan gagasan Komanwel Islam dan menjadi Setiausaha Agung pertama Pertubuhan Persidangan Islam.

Turut dihuraikan ialah peranan almarhum membentuk Persatuan Asia Tenggara terdiri daripada Malaysia, Thailand dan Filipina yang kemudiannya menjadi ASEAN dengan tambahan anggota Indonesia dan Singapura sebagai anggota, penentang ulung aparteid, dan sebagai pencita sukan, almarhum mengilhamkan pertandingan bola sepak Piala Merdeka dan menjadi Presiden Persatuan Bolasepak Asia.

Sebagai penaung kegiatan seni, almarhum memberikan perhatian kepada warisan kebudayaan Melayu dan merupakan seorang penulis yang prolific.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia berasa dukacita dan sedih atas kembalinya ke rahmatullah Tunku.

Sesungguhnya dengan pemergian almarhum, negara kehilangan seorang pemimpin dan negarawan yang terhormat lagi tercinta, katanya.

+Pengorbanan dan perjuangan Almarhum Tunku dalam bidang politik dan pentadbiran merupakan sumber inspirasi dan teladan kepada rakyat Malaysia dan ia merupakan peristiwa yang amat sedih dalam sejarah negara kita,+ tambahnya. — Bernama

♥10/12/19-14MST